

**NO. SOALAN : 266**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK  
[ SEREMBAN ] - DAP**

**SOALAN : 266**

**Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ] minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai semua bidang tanah yang dibeli oleh Kerajaan Persekutuan untuk tujuan projek PR1MA serta kos pembelian dan keluasan setiap bidang tanah tersebut.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya PR1MA telah membelanjakan sebanyak RM670 juta untuk membeli 375 ekar tanah. Lokasi tanah tersebut adalah di Negeri Selangor, Melaka dan Pulau Pinang. Tanah-tanah yang dibeli ini dijadikan sebagai bank tanah khusus untuk pembangunan PR1MA. Pembelian aset ini memberi manfaat kepada PR1MA kerana nilai tanah tersebut dijangka akan meningkat dari semasa ke semasa. Selain itu, bank tanah ini juga boleh digunakan sebagai cagaran bagi mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan untuk pembangunan PR1MA pada masa depan.

Sekian, terima kasih.